

Proses Sanitasi SMK Ranca-Ranca Bagi Pembukaan Sekolah Tahun 2021



19 Januari 2021- Kerjasama komuniti dalam mengekang penularan Covid-19 membantu SMK Ranca-Ranca dalam penyediaan pembukaan sekolah pada 20hb Januari 2021. Maka, proses sanitasi dilaksanakan di seluruh kawasan sekolah dengan komitmen baik pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Labuan dan Jabatan Pendidikan W.P Labuan.

Penolong Kanan Pentadbiran SMK Ranca-Ranca iaitu En. Sahnudin bin Ariffin berkata, program sanitasi yang dibuat oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan Perbadanan Labuan adalah bertepatan dengan masalah yang melanda ketika ini. " Soal keselamatan sangat diberi keutamaan oleh SMK Ranca-Ranca demi keselamatan warganya " ujar beliau.

Puan Marziati binti Mardan selaku Penolong Kanan HEM

menegaskan langkah yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan W.P Labuan dengan membuat sanitasi di semua sekolah W.P Labuan merupakan langkah tepat dalam memberi keyakinan kepada ibu bapa pelajar untuk menghantar anak mereka kembali ke sekolah. Ibu bapa perlu yakin akan keselamatan anak-anak mereka ketika berada di sekolah.



Taklimat sanitasi daripada Wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan



Persiapan yang dilakukan oleh anggota Bomba dan Penyelamat sebelum menjalankan proses sanitasi

Proses sanitasi tersebut berlangsung kira-kira satu jam dan berjalan dengan lancar. Kesemua anggota bomba dan Perbadanan Labuan memakai alat perlindungan diri (PPE) semasa menjalankan proses sanitasi. Tumpuan diberikan kepada bilik darjah, pejabat sekolah, bilik guru, makmal, bilik-bilik khas dan kawasan sekolah yang terbuka.



Pusat sumber sekolah DSDN tidak ketinggalan dalam proses sanitasi yang dijalankan



Proses sanitasi yang dijalankan di makmal sekolah
Diharapkan pembukaan sekolah akan berjalan lebih lancar selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang ingin memastikan sekolah selamat, bebas daripada

jangkitan wabak Covid-19.